



## IKLAN JAWATAN KOSONG

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) adalah badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 untuk menjalankan Akta Persaingan 2010. Akta Persaingan dan Akta Suruhanjaya Persaingan diterbitkan dalam Warta Kerajaan pada 10 Jun 2010 dan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2012. Akta-akta ini bertujuan untuk mendorong pembangunan ekonomi negara dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan dalam pasaran dan seterusnya melindungi kepentingan pengguna.

### **Fungsi Utama Suruhanjaya**

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 memberi kuasa kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya Persaingan) untuk menjalankan fungsi-fungsi seperti melaksana dan menguatkuasa peruntukan-peruntukan di bawah Akta Persaingan 2010, mengeluarkan garis panduan berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, bertindak sebagai penyokong untuk hal-hal berkaitan persaingan; menjalankan kajian am berhubung isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor ekonomi tertentu di Malaysia; memaklum dan mendidik orang awam berkenaan cara-cara yang mana persaingan boleh memberi faedah kepada pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

Permohonan daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan di Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) secara **KONTRAK** seperti berikut:

### **SYARAT – SYARAT UMUM**

1. Warganegara Malaysia; dan
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

1. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT-SYARAT KHUSUS**

1. Adalah seperti di Lampiran A

BIL.	JAWATAN	GRED	BAHAGIAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	BIL. KEKOSONGAN	JADUAL GAJI	
						MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>							
1	KETUA UNIT	48	UNIT KOMUNIKASI DAN ADVOKASI	EKONOMI	1	RM5,122.00	RM11,637.00

### PROSEDUR PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat di laman web rasmi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)
2. Setiap borang permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar formal berukuran passport, salinan sijil-sijil dan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
  - a. Kad Pengenalan;
  - b. Diploma/Ijazah beserta Transkrip Surat Akuan pengiktirafan Ijazah/Diploma/sijil daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau JPA;
  - c. Surat berhenti sekolah;
  - d. Sijil-sijil seperti PMR, SPM, STPM; dan
  - e. Sijil-sijil lain yang berkaitan.
3. Borang permohonan yang tidak lengkap / tidak memenuhi syarat tidak akan dipertimbangkan. Contohnya tiada menyertakan gambar akan dikira tidak lengkap.
4. Gaji yang ditawarkan adalah mengikut kelayakan akademik, pengalaman dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan dan ianya adalah **muktamad**. Tiada sebarang rundingan boleh dibuat.
5. Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 November 2023**

## LAMPIRAN A

### KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

#### 1) KETUA UNIT GRED 48, UNIT KOMUNIKASI DAN ADVOKASI

- 1) Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:
  - (i) Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang Komunikasi Massa, Perhubungan Awam, Kewartawanan, Pengajian Media, Komunikasi, atau bidang yang berkaitan lain yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 2) Syarat Tambahan
  - i. Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **sepuluh (10) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan. Kelebihan untuk calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang komunikasi strategik, perhubungan awam atau advokasi.
  - ii. Mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam prinsip-prinsip komunikasi, hubungan dengan pengamal media dan strategi penglibatan pihak berkepentingan.
  - iii. Mempunyai kemahiran komunikasi bertulis dan lisan yang cemerlang dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu serta keupayaan untuk menyampaikan mesej secara berkesan kepada pelbagai pihak.
  - iv. Berupaya membangunkan dan melaksanakan strategi komunikasi dan kempen komunikasi yang berkesan.
  - v. Berpengalaman dalam menguruskan hubungan dengan pihak media, termasuk komunikasi semasa situasi krisis.
  - vi. Kemahiran interpersonal yang baik dan mempunyai keupayaan untuk membina hubungan dengan pihak berkepentingan di semua peringkat.

- vii. Mahir dalam menggunakan alat komunikasi digital dan platform media sosial termasuk, tetapi tidak terhad kepada TikTok, LinkedIn, Instagram, Youtube dan Facebook.
- viii. Mempunyai pengetahuan tentang undang-undang persaingan atau rangka kerja Badan Berkanun adalah satu kelebihan.

Selain daripada pengalaman dan pengetahuan dalam bidang komunikasi massa, calon perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menunjukkan komitmen yang tinggi didalam mencapai matlamat dan objektif organisasi;
- Kemahiran interpersonal yang baik dalam menjalankan proses perundingan, penyelesaian masalah serta perkongsian pengetahuan; DAN
- Keupayaan untuk bekerja di bawah tekanan kerja, integriti yang tinggi dan mengekalkan prinsip kerja berpasukan.

### 3) Ringkasan tugas

#### **(a) Strategi dan Perancangan Komunikasi:**

1. Membangunkan dan melaksanakan strategi komunikasi yang komprehensif selaras dengan matlamat dan objektif MyCC.
2. Memantau dan menilai keberkesanan strategi komunikasi dan membuat penyesuaian yang diperlukan untuk mencapai kesan yang maksimum.

#### **(b) Hubungan Media dan Hal Ehwal Awam:**

1. Bertindak sebagai jurucakap utama bagi pihak MyCC dan menguruskan aktiviti hubungan awam bersama pihak media.
2. Membina hubungan positif dengan pihak media, menjawab pertanyaan media dan mengatur sesi temuramah atau sidang akhbar apabila diperlukan.
3. Memantau liputan media dan mengawal risiko reputasi dan isu-isu yang berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang persaingan secara proaktif.

**(c) Penglibatan Pihak Berkepentingan:**

1. Bekerjasama dengan pihak berkepentingan, pengamal media, wakil industri, kumpulan pengguna dan agensi Kerajaan yang terlibat bagi mendapatkan pandangan dan maklumbalas mereka untuk dipertimbangkan dalam pembangunan perancangan strategik komunikasi MyCC.
2. Membangunkan dan melaksanakan pelan strategik komunikasi dan advokasi mengenai inisiatif, panduan, dan cadangan dasar MyCC.
3. Berkerjasama dengan bahagian dalaman untuk memastikan penyampaian mesej yang konsisten dan penyelarasan usaha komunikasi yang berkesan.
4. Menyertai persidangan, seminar dan acara awam yang berkaitan bagi mempromosikan aktiviti serta misi dan visi MyCC.

**(d) Pengurusan Kandungan:**

1. Membangunkan kandungan yang menarik dan menyebarkan dalam pelbagai saluran komunikasi, termasuk laman sasawang MyCC, platform media sosial, buletin dan penerbitan.
2. Berkolaborasi dengan bahagian dalaman untuk mengumpul maklumat serta pandangan bagi pembangunan dan ketepatan maklumat kandungan.
3. Menguruskan pengeluaran bahan-bahan komunikasi seperti brosur, laporan, video dan persembahan.
4. Melaksanakan pemantauan perkembangan industri serta amalan terbaik dalam komunikasi dan advokasi untuk meningkatkan strategi komunikasi MyCC.
5. Membangunkan dan memastikan laporan tahunan Suruhanjaya Persaingan Malaysia diterbitkan.

**(e) Advokasi dan Penglibatan:**

1. Membangunkan dan melaksanakan kempen advokasi untuk meningkatkan kesedaran tentang undang-undang persaingan, mempromosikan persaingan yang adil dan mendidik pihak berkepentingan mengenai manfaat persaingan.
2. Berkolaborasi dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menganjurkan bengkel, seminar dan program latihan mengenai undang-undang persaingan dan implikasinya terhadap perniagaan dan pengguna.
3. Memupuk perkongsian dengan persatuan industri, kumpulan pengguna, agensi Kerajaan dan organisasi lain untuk menyokong inisiatif advokasi.

4. Memantau dan menganalisis sentimen awam, maklum balas, dan isu-isu yang timbul berkaitan dengan undang-undang persaingan dan memberikan cadangan untuk penambahbaikan.

**(f) Parlimen:**

1. Bertanggungjawab menguruskan segala hal berkaitan urusan-urusan parlimen.
2. Menyediakan dan menyelaras jawapan bagi soalan - soalan parlimen berkaitan MyCC.
3. Memberi taklimat kepada YB Menteri dan YB Timbalan Menteri KPDN berkenaan soalan-soalan parlimen berkaitan MyCC.
4. Menghadiri sesi persidangan dewan rakyat dan dewan negara sekiranya terdapat perkara berbangkit berkaitan MyCC.

**Nota: Diskripsi tugas ini bertujuan untuk menggariskan skop kerja yang perlu dilakukan oleh setiap individu untuk jawatan ini. Suruhanjaya Persaingan Malaysia berhak untuk mengubah diskripsi tugas ini untuk memenuhi keperluan organisasi.**